

**UCAPAN  
YB DATUK DR. EWON EBIN  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN  
UNIVERSAL DESIGN PRODUCT SHOWCASE @ JKM – MRM  
PUSAT LATIHAN PERINDUSTRIAN DAN PEMULIHAN (PLPP)  
BANGI, SELANGOR  
ISNIN, 23 MAC 2015**

**<Salutations akan dimuktamadkan oleh Urus Setia >**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**Y.B. DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH**  
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

**YBHG. DATO' SRI DR. NOORULAINUR MOHD. NUR**  
Ketua Setiausaha, MOSTI

**YBHG. DATO' DR. MOHD AZHAR HJ YAHAYA**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

**YBRS. DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam memberikan sokongan terhadap inisiatif bersama yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis

Rekabentuk Malaysia (MRM) dalam Program *Universal Design Product Showcase@JKM-MRM*.

2. Sesungguhnya kerjasama ini merupakan salah satu dari bukti kejayaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menyatukan dua agensi dari dua Kementerian yang memiliki kepakaran berbeza untuk mencapai matlamat yang sama iaitu untuk kesejahteraan rakyat Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Rekabentuk Malaysia di atas usaha berterusan secara NBOS oleh kedua-dua agensi ini sejak dari tahun 2010 lagi. Saya yakin kerjasama ini merupakan usaha yang baik dalam memastikan peranan rekabentuk digunakan dengan sepenuhnya bagi menambahbaik kualiti kehidupan masyarakat Malaysia, termasuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

3. Ketika dimaklumkan mengenai Majlis Perasmian ***Universal Design Product Showcase*** ini, saya berasa amat teruja. Ini kerana selama ini kita belum mempunyai sebuah pusat rujukan rekabentuk, terutamanya yang memberi pengkhususan kepada ***Universal Design*** atau rekabentuk sejagat di Malaysia. Saya amat berkeyakinan bahawa kita akan dapat melihat banyak idea luar biasa dan menarik serta di luar jangkaan akan dipamerkan di pusat ini. Saya percaya dengan pengalaman yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini, pusat rujukan rekabentuk ini akan menjadi sangat relevan dengan keperluan sektor perindustrian dan pendidikan pada masa kini.

Hadirin sekalian,

4. ***Universal Design***, yang juga dikenali sebagai ***Inclusive Design*** atau ***Design for All*** adalah satu istilah yang dicipta oleh seorang arkitek, pereka produk dan pendidik terkenal di Amerika yang bernama Ronald L. Mace. Beliau yang juga seorang pengidap penyakit polio telah memperjuangkan falsafah "reka bentuk untuk semua peringkat umur dan keupayaan" dan turut berjaya membangunkan standard dan kod akses bangunan yang digunakan di Amerika Syarikat hari ini. Usaha ini telah banyak membantu orang ramai khususnya golongan OKU yang mana pujian seharusnya diberi kepada Ronald Mace. Walau bagaimanapun, Selwyn Goldsmith, pengarang kepada buku berjudul "Designing for the Disabled" (1963), yang benar-benar mempelopori konsep akses mudah (*free access*) untuk OKU.

5. Oleh yang demikian, produk ***Universal Design*** bukan bermaksud produk yang dihasilkan khusus untuk golongan OKU semata-mata, akan tetapi ia adalah produk yang memiliki elemen ***Universal Design*** bagi membolehkan ianya mudah diguna-oleh semua pengguna termasuk orang tua, kanak-kanak, ibu-ibu hamil dan lain-lain.

Hadirin sekalian,

6. Saya telah difahamkan bahawa usaha untuk mempromosi ***Universal Design*** di Malaysia telah dimulakan oleh MRM sejak awal tahun 2000 lagi. Ianya merupakan hasil daripada kunjungan MRM ke beberapa buah negara maju seperti Jepun dan Taiwan yang telah menjadikan ***Universal Design*** sebagai salah satu elemen penting dalam memastikan keselesaan hidup rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Negara-negara ini tidak meminggirkan

keselesaan dan keperluan golongan OKU walau pun berstatus negara maju.

7. Jika kita lihat kebanyakkan produk yang berada di pasaran pada masa ini, hanya lebih kurang 10% sahaja daripadanya yang sesuai digunakan oleh golongan OKU, sedangkan mereka juga mempunyai hak untuk menikmati kemajuan negara. Fenomena ini ada kaitannya dengan keengganan industri kita untuk melabur dalam penghasilan **produk reka bentuk sejagat**. Sekiranya pihak industri mengambil kira keperluan golongan OKU dalam penghasilan produk mereka, ia boleh meningkatkan jumlah pembelian produk tersebut dengan mengambil kira golongan OKU ini sebagai *potential buyer*.

Hadirin sekalian,

8. Banyak persatuan yang telah diwujudkan untuk mengkaji peranan rekabentuk untuk diselaraskan dengan keperluan golongan OKU. Dengan mengambil contoh di negara Jepun, persatuan seperti *The Accessible Design Foundation for Japan; International Association for Universal Design; Toyota Universal Design Showcase; dan Japan Assistive Products Association* memainkan peranan yang penting dalam memastikan bukan sahaja sektor pengeluaran, malahan sektor perkhidmatan turut memastikan **Universal Design** ini diterap dan diberikan perhatian khusus.

9. Lebih mengagumkan adalah mereka turut mempunyai **Colour Universal Design Organization** untuk mengkaji kesulitan mereka yang menghadapi masalah buta warna yang turut diklasifikasikan sebagai

OKU. Penyelidikan mendalam terhadap golongan OKU daripada pelbagai latar belakang ini telah menjadikan Jepun sebagai negara contoh dan saya merasakan ini sesuatu yang perlu kita contohi.

10. Seiring dengan visi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada 2020, kreativiti dan inovasi sewajarnya diberikan perhatian serius oleh semua pihak dan tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab melaksanakan usaha ini sepenuhnya kepada Kerajaan.

11. Penyertaan, sokongan dan kerjasama dari industri amat penting dalam memastikan idea yang telah dihasilkan dapat direalisasikan melalui penajaan dan pembiayaan. Justeru itu, saya menyeru penyertaan dari sektor swasta dan pihak industri untuk sama-sama meraikan kreativiti sebagai satu bentuk pelaburan atau pun sekurang-kurangnya sebagai tanggungjawab sosial kepada komuniti.

Hadirin sekalian,

12. Bagi pihak MOSTI, saya amat berharap agar pada masa hadapan, *Universal Design Product Showcase @ JKM – MRM* ini tidak hanya kekal sebagai sebuah bangunan semata-mata. Saya amat menggalakkan kita semua, termasuk agensi swasta untuk memeriahkannya dengan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada pemantapan dan penghasilan lebih banyak produk berasaskan ***Universal Design*** yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak termasuk sektor perindustrian dan pendidikan.

13. Mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis Rekabentuk Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan hasrat ini.

Sekian. Terima kasih.